

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

SOALAN NO. 117

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai kelayakan dan peranan Pemaju Masyarakat RISDA (PMR), serta bilangan PMR di seluruh negara mengikut daerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan dan syarat lantikan Pemaju Masyarakat RISDA (PMR) adalah seperti berikut:
 - 1.1. Warganegara Malaysia.
 - 1.2. Seorang pekebun kecil dan keutamaan kepada pemilik pengusaha dan bermastautin di kawasan jagaan.
 - 1.3. Berumur di antara 21 hingga 65 tahun.
 - 1.4. Keutamaan kepada lepasan SPM atau kelulusan setaraf dengannya atau sekurang-kurangnya boleh membaca dan menulis.
 - 1.5. Tidak memegang jawatan yang dibayar gaji atau elaun tetap.
 - 1.6. Keutamaan kepada individu yang bergiat aktif dalam pertubuhan, persatuan atau kerja-kerja amal.

- 1.7. Mempunyai aliran pemikiran dan daya kepimpinan yang dapat diterima oleh masyarakat setempat. Keutamaan kepada individu yang memahami dasar-dasar Kerajaan.
 - 1.8. Berintegriti.
 - 1.9. Sihat mental dan fizikal.
 - 1.10. Tidak mempunyai rekod jenayah.
2. Secara umumnya, PMR berperanan sebagai penghubung, pendorong, perunding dan pemudah cara di antara RISDA dengan masyarakat pekebun kecil bagi menjayakan program pembangunan RISDA. Selain itu, PMR turut membantu RISDA untuk mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil yang berkaitan dengan program pembangunan RISDA untuk tindakan susulan oleh pihak RISDA.
3. Setakat 31 Disember 2018, bilangan PMR yang telah dilantik di seluruh negara adalah seramai 498 orang. Namun, semua lantikan tersebut telah tamat pada 31 Disember 2018. Pada tahun 2019, tiada lantikan PMR dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.